

Headline	4.56j pengguna tidak terjejas		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Dlm Negeri	Page No	10
ArticleSize	308 cm ²	Journalist	pengarang@utusa
PR Value	RM 18,429		



Guna kuasa bawah 300kWj sebulan dikecualikan dari kenaikan tarif elektrik

4.56j pengguna tidak terjejas

Oleh SITI NURAZLINA JAMALUDIN

pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 3 Dis. - Kira-kira 4.56 juta atau 70.67 peratus daripada pengguna domestik yang menggunakan elektrik antara satu hingga 300 kilowatt per jam (kWj) sebulan tidak akan mengalami sebarang kenaikan tarif yang berkuat kuasa mulai 1 Januari depan.

Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Loo Took Gee berkata, kerajaan akan terus mengekalkan jalur pengguna asas pada 200kWj sebulan yang memberi kelebihan kepada pengguna terutamanya golongan berpendapatan rendah.

Katanya, keputusan itu bermakna kira-kira 3.25 juta pengguna akan terus menikmati kadar tarif yang rendah daripada kos sebenar membekalkan elektrik iaitu 21.8 sen/kWj.

"Kenaikan tarif ini tidak akan membebankan kumpulan pengguna tersebut walaupun kos pembekalan elektrik yang disebabkan peningkatan harga bahan api

utama untuk menjana elektrik iaitu gas dan arang batu meningkat.

"Begitu juga dengan 1.31 juta pengguna domestik yang menggunakan elektrik pada kadar 201 hingga 300kWj sebulan yang juga tidak akan mengalami sebarang kenaikan tarif," katanya.

Beliau berkata demikian ketika memberi taklimat media di sini hari ini, berhubung kadar tarif elektrik baharu bagi Semenanjung, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan yang diumumkan oleh Menteri Ongkili semalam.

Yang hadir sama, Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Tenaga, Datuk Abd. Razak Majid; Pengarah Kanan Jabatan Kawal Selia Pembekalan dan Pasaran Elektrik Suruhanjaya Tenaga, Azhar Omar; Pengurus Besar Kanan Korporat dan Komunikasi Tenaga Nasional Berhad, Datuk Mohd. Aminuddin Mohd. Amin; Ketua Pengurusan Gas Petronas Malaysia, Ezhar Yazid Jaafar dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (Seda Malaysia), Badriyah Abd. Malik.

Menurut Took Gee, kerajaan juga

masih mengekalkan pemberian pengecualian membayar bil elektrik bulanan kepada pengguna domestik atau kediaman yang menggunakan elektrik RM20 ke bawah sehingga Disember 2014.

Tambah beliau, manfaat itu dijangka dinikmati seramai 960,000 pengguna di Semenanjung.

Jelasnya, langkah tersebut akan menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung perbelanjaan dianggarkan sebanyak RM126 juta setahun.

INFO

Kesan kenaikan tarif elektrik kepada pengguna domestik

- Penggunaan elektrik antara 301 hingga 400 kilowatt per jam (kWj) sebulan yang melibatkan 1.31 juta pengguna domestik akan mengalami kenaikan bil elektrik bulanan antara 12 sen hingga RM11.60.
- Kenaikan bil elektrik bulanan antara RM11.71 hingga RM33 untuk penggunaan elektrik antara 401 hingga 600kWj sebulan yang dianggarkan melibatkan 670,000 pengguna.
- Kira-kira 260,000 pengguna domestik yang menggunakan elektrik antara 601 hingga 800kWj sebulan akan mengalami kenaikan bil elektrik sebanyak RM33.12 hingga RM55.90 sebulan.
- Penggunaan elektrik antara 801 hingga 1,000kWj sebulan yang melibatkan 110,000 pengguna akan mengalami kenaikan bil elektrik bulanan antara RM55.99 hingga RM76.90.
- Dianggarkan kenaikan bil elektrik bulanan dalam lingkungan RM77.02 dan ke atas akan dialami oleh 132,000 pengguna yang menggunakan elektrik melebihi 1,000kWj sebulan.



LOO TOOK GEE